

HAJI AWG ASBOL BIN HAJI MAIL

Dasar-dasar Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 1950 – 2010: Kemunculan dan Hubungannya dengan Falsafah MIB (Melayu Islam Beraja)

IKHTISAR: Dasar-dasar pendidikan di Brunei Darussalam adalah Dasar Pendidikan 1954, Dasar Pendidikan Negara 1962, Dasar Pendidikan 1972, dan Dasar Dwi-Bahasa 1984. Sementara itu, falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), sebagai cara hidup rakyat, telah diisytiharkan semasa pencapaian kemerdekaan. Kajian ini akan melihat hubungan secara tersurat dan tersirat dalam konteks falsafah MIB. Dalam hubungan tersurat boleh dilihat dari segi Melayu, maka langkah-langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah. Dari segi Islam pula memasukkan pendidikan agama ke dalam kurikulum pembelajaran di sekolah-sekolah. Sementara itu, hubungan dengan Raja pula terdapatnya matalamat dasar pendidikan supaya melahirkan generasi muda yang taat kepada Negara dan Raja. Raja juga berperanan dalam mengembang-majukan pendidikan negara. Manakala hubungan tersirat boleh dilihat secara umumnya bahawa Islam memang menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu dunia dan akhirat, serta ianya juga menggalakkan untuk menguasai lebih dari satu bahasa.

KATA KUNCI: Kemerdekaan negara Brunei, dasar negara, Melayu-Islam-Beraja, makna tersurat dan tersirat, peran kerajaan, dan pendidikan.

ABSTRACT: This paper entitled "Education Policies of Brunei Darussalam, 1950 – 2010: The Emergence and Relationship with the Philosophy of MIB (Malay Islamic Monarchy)". The policies of education in Brunei Darussalam are Education Policy 1954, the National Education Policy 1962, the Education Policy 1972, and Policy Multilanguage 1984. Meanwhile, the Malay Islamic Monarchy (MIB), as a way of life, when our independence was declared. This study will examine the relationship explicitly and implicitly in the context of the MIB philosophy. Relationship can be expressed in terms of Malays, then the steps to uphold the Malay language as the medium of instruction in schools. In terms of Islamic religious, its education incorporates learning into the curriculum in schools. Meanwhile, there was a relationship between the King with education policy objective to inculcate obedience to the State and the King. King also plays a role in propagating forward in education. While the implicit relationship can be seen in general that Islam encourages its followers to seek knowledge in the World as well as Hereafter, and they also promote to master more than one language.

KEY WORD: Brunei state independence, national policy, Malay-Islamic-Monarchy, explicit and implicit meaning, role of government, and education.

PENDAHULUAN

Makalah ini cuba mengungkapkan bagaimana dasar-dasar pendidikan wujud dan dibentuk oleh pemerintah

Brunei dari tahun 1950 sehingga 2010. Oleh kerana dasar-dasar yang sudah muncul ini mengandungi berbagai aspek dan isu yang boleh dibicarakan, maka

Prof. Madya Dr. Haji Awg Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah Kanan di Program Pengajian Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD (Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tunku Link, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Alamat emel: asbolmail@ubd.edu.bn

makalah ini akan memberikan tumpuan bagaimana ia mempunyai hubungan dengan falsafah MIB (Melayu Islam Beraja). Meskipun pendidikan formal mula diperkenalkan pada tahun 1914, dengan terbentuknya Sekolah Melayu di Negara Brunei Darussalam yang diwujudkan oleh pentadbiran Residen British (SoB, 1914:5), namun kerajaan tidak pernah mengeluarkan dasar rasmi pendidikan negara sehingga tahun 1954 (SoB, 1953 dan 1954). Sedangkan dalam perancangan meningkatkan mutu pendidikan generasi muda Brunei, ia hanya boleh dicapai menerusi penubuhan dasar yang jelas dan teratur.

Dasar ialah ketetapan dalam proses pengurusan sesebuah organisasi atau kerajaan. Dasar bukan sesuatu yang neutral dan statik, kerana motif tersirat mempunyai hubungan dengan bidang politik, ekonomi, dan sosial. Antara motif-motif ini, politik merupakan satu aspek yang biasanya mempengaruhi orientasi dan kandungan sesuatu dasar, tidak terkecuali dasar pendidikan sesebuah negara. Dasar pendidikan yang jelas memang tidak boleh dinafikan kepentingannya sebagai landasan dan garis-pandu dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan sesebuah negara (Haji Md Sum, 1993).

Corak dasar pendidikan sudah sepatut sentiasa selaras dengan arus perubahan sosio-ekonomi dan politik, bukan sahaja dalam negara itu sendiri bahkan selaras dengan perubahan yang berlaku di sekeliling dan di luar negara juga turut diambil kira (Hussin, 2002:125). Lebih-lebih lagi era globalisasi dengan ledakan maklumat yang menyebabkan warga dunia kehilangan sempadan. Jika tidak, negara akan tercicir dari perubahan dan kemajuan dunia yang sentiasa bergerak tanpa hentinya.

Sementara itu, falsafah Melayu Islam Beraja yang secara rasminya telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 1 Januari 1984 pada saat-saat pencapaian kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang menekankan bahawa falsafah ini akan menjadi pegangan untuk selama-lamanya kepada negara ini.¹ Sungguhpun ia baru sahaja diisytiharkan pada ketika itu, para sarjana dan pengkaji sejarah melihat perkara ini bukanlah sesuatu yang baru terhadap batang tubuh Brunei, bahkan ada yang berpendapat ia sudah wujud sejak Awang Alak Betatar (1363 – 1402), raja Brunei yang pertama masuk Islam pada tahun 1368, dengan mengambil gelaran Islam sebagai Sultan Muhammad Shah. Mereka beralasan kerana Brunei pada masa itu sudah mempunyai ciri-ciri Melayu Islam Beraja. Ciri-ciri ini jelas apabila Brunei sudah diperintah oleh seorang beragama Islam, berbangsa Melayu, dan berbahasa Melayu (Leake, 1990; Yahya bin Haji Ibrahim, 2000; dan Mohd Jamil Al-Sufri, 2008a).

Selain itu, institusi pentadbiran tertinggi negara yang dikenali sebagai Wazir, Ceteria, dan Manteri juga dipegang oleh bangsa Melayu yang beragama Islam, yang biasanya terdiri dari kerabat diraja dan pemimpin yang berpengaruh. Manakala itu, undang-undang Islam sebagai undang-undang negara telah digubal dan dilaksanakan dengan lebih teratur di zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali (1425 – 1432), sultan Brunei yang ketiga.² Melihat kepada rentetan sejarah ini sudah sepatutnya dasar-dasar pendidikan Brunei mempunyai hubungan dengan falsafah Melayu Islam Beraja bagi mengekalkan identiti dan imej tersendiri masyarakat Brunei (Haji Jumat, 1989).

¹Lihat, umpamanya, Pehin Haji Awg Mohd Jamil Al-Sufri (1992:206-207). Gelaran penuh penulis ini sekarang ialah: Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Jamil Al-Sufri.

²Lihat juga Pehin Ustaz Haji Awg Yahya bin Haji Ibrahim (2000:139). Gelaran penuh beliau sekarang ini ialah Pehin Diraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awg Yahya bin Haji Ibrahim.

KEMUNCULAN DASAR-DASAR PENDIDIKAN

Sungguhpun dasar pendidikan sebelum tahun 1954 tidak pernah dikeluarkan secara rasmi dan jelas oleh pihak kerajaan, bagaimanapun, ia masih boleh dikesan menerusi perlaksanaan pada ketika itu. Dalam erti kata yang lain, sebenarnya sudah wujud dasar pendidikan tetapi pihak kerajaan di bawah pentadbiran Residen British tidak mahu menyatakan secara rasmi pada masa itu. Perkara ini tidak perlu diberigakan lantaran pentadbiran Residen mempunyai agenda tersorok. Mereka tidak mahu kelemahan-kelemahan yang ada pada sistem pendidikan Brunei itu, khususnya Sekolah Melayu, akan terdedah dan mendatangkan bantahan di kalangan masyarakat Brunei, terutama di kalangan golongan terpelajar (Asbol bin Haji Mail, 2006:27-28).

Kelemahan pada sistem pendidikan pada ketika itu begitu ketara ke atas pendidikan Sekolah Melayu yang hanya bagi membolehkan anak-anak Melayu Brunei supaya pandai membaca dan menulis dalam huruf Rumi. Tidak ada yang diajarkan kepada kanak-kanak Melayu melainkan untuk mewarisi kerjaya orang tua mereka, sama ada sebagai nelayan mahupun petani. Matlamat pendidikan seperti ini sama seperti yang dilakukan lebih awal di Tanah Melayu. Oleh itu, taraf paling tinggi bagi Sekolah Melayu pada ketika itu adalah darjah enam. Bagaimanapun, oleh kerana kekurangan tenaga pengajar, kebanyakan sekolah cuma mampu mengadakan setakat darjah lima sebagai kelas tertinggi.

Oleh itu pula, lulusan dari Sekolah Melayu hanya sesuai untuk menyandang jawatan-jawatan rendah seperti guru, kerani, dan budak pejabat. Mungkin juga boleh menjadi petani atau nelayan yang sudah celik huruf. Dari matlamat ini jelas ia suatu sistem pendidikan yang menyekat peluang generasi muda Brunei untuk

melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat institut pengajian tinggi (Bevington, 1958). Lantaran itu, masa depan mereka untuk mendapatkan berbagai bidang ilmu dan kepakaran bagi sama-sama menyumbangkan tenaga dalam pembangunan Brunei ternyata tidak ada.

Residen British selaku pentadbir pada ketika itu sedar bahawa jika generasi muda Brunei didedahkan dengan pendidikan tinggi, mereka ini bakal menjadi tenaga penggerak kepada perubahan pemikiran masyarakatnya. Pada akhirnya akan wujud kebangkitan dan gerakan penentangan kepada pentadbiran British di Brunei (SoB, 1928 dan 1929; Haji Jibah, 1983; dan Hadi Abdullah, 1992). Hal ini telah menjadi iktibar kerana penentangan yang berlaku di tanah-tanah jajahan British dipelopori oleh golongan intelek. Kebangkitan seperti ini sudah tentu menggugat kepentingan British di Brunei. Inilah yang dikatakan sebagai wujudnya agenda tersirat.

Mengenai Dasar Pendidikan Tahun 1954. Brunei boleh dikatakan telah memiliki dasar pendidikan secara rasmi dalam sistem pendidikannya, apabila Jabatan Pelajaran mengeluarkannya pada tahun 1954. Kewujudan dasar ini ekoran dari pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddin (1950 – 1967) melaksanakan Rancangan Kemajuan Lima Tahun pertama (1953 – 1958).³ Oleh yang demikian, salah satu komponen penting dalam rancangan ini ialah bidang pendidikan.

Perancangan untuk memajukan lapangan pendidikan pada masa itu memang diperlukan kerana Brunei kekurangan golongan terpelajar dan profesional dalam berbagai bidang. Tenaga mereka memang benar-benar diperlukan bagi menyumbang ke arah

³Rancangan kemajuan ini diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri pada bulan Julai 1953 dengan peruntukkan kewangan sebanyak \$100 juta. Matlamat utama rancangan ini untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, sesuai dengan perubahan taraf hidup yang dialami oleh rakyat Brunei.

pembangunan negara.⁴ Ekoran dari kekurangan inilah juga menjadi alasan kuat kepada Sultan Omar Ali Saifuddien untuk menolak Brunei mencapai kemerdekaan lebih awal dari British, meskipun mendapat desakan kuat dari rakyat pada ketika itu. Selain itu, terdapat desakan-desakan dari orang ramai supaya Brunei mewujudkan satu sistem pendidikan yang baru dan teratur. Masyarakat Brunei pada masa itu boleh dikatakan sudah mempunyai kesedaran betapa perlunya memberikan pendidikan formal kepada generasi muda. Kesedaran ini begitu menyerlah selepas Perang Dunia Kedua (1939-1945) tamat.

Oleh itulah, Jabatan Pelajaran sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menangani hal-ehwal pendidikan Brunei telah mengeluarkan dan menjelaskan bentuk dan sistem pendidikan yang dipraktikkan di negara ini sejak tahun 1914. Penjelasan ini boleh dianggap sebagai dasar pendidikan rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan (SoB, 1914).

Dasar Pendidikan 1954 menyatakan bahawa kerajaan menyediakan pendidikan percuma kepada semua anak-anak Melayu, bermula dari umur enam tahun. Mereka boleh belajar, sama ada di Sekolah Melayu, Inggeris, atau Vokasional. Di Sekolah Melayu, mereka boleh meneruskan pelajaran sehingga darjah enam. Mana-mana murid dari sekolah ini ingin memasuki Sekolah Inggeris Kerajaan, mereka perlu menduduki peperiksaan khas calon ke sekolah tersebut (SoB, 1953 dan 1954). Apabila mereka berjaya memasuki Sekolah Inggeris Kerajaan, mereka akan belajar sehingga tingkatan tiga. Mana-mana pelajar yang mempunyai prestasi baik dalam pelajaran di sekolah ini akan berpeluang untuk melanjutkan pelajaran hingga ke institusi pengajian

⁴Lihat, umpamanya, "Siaran Sementara No.22/1948, Ref.No.(6) in Ed/75/1948 dalam No.406/1948 Training of Teachers at Batu Lintang School" dalam *Fail Rasmi Kerajaan*. Bandar Seri Begawan: Arkib Negara Brunei Darussalam.

tinggi di luar negeri (Padmore, 1954:3; dan *Borneo Bulletin*, 15/3/1958).

Manakala itu, anak-anak Brunei yang berminat dalam lapangan pendidikan teknikal dan vokasional akan dihantar belajar ke Sekolah Pertukangan Syarikat Minyak Shell di Seria. Pada masa itu, kerajaan belum menubuhkan sekolah seperti ini. Bagaimanapun, dalam pendidikan ini masalahnya anak-anak Brunei kurang berjaya dalam pendidikan vokasional kerana ia dijalankan dalam bahasa Inggeris. Dasar Pendidikan 1954 ini juga menyediakan kelas-kelas membenteras buta huruf bagi orang-orang dewasa (SoB, 1954).

Sekolah Misi dan Cina bergerak secara bersendirian dan akan mendapat bantuan kewangan dari pihak kerajaan (Padmore, 1954). Apa yang jelasnya, Dasar Pendidikan 1954 ini hampir sama dengan apa yang telah berlaku di Tanah Melayu yang mengamalkan sistem berbagai aliran dalam pendidikannya (MoE, 1958; dan Md Jadi, 1990). Bagaimanapun, yang berlainan dengan negara Tanah Melayu tersebut adalah bahawa Brunei tidak memiliki sekolah beraliran Tamil. Hal ini berlaku kerana masyarakat India tidak ramai di Brunei.

Dasar Pendidikan 1954 ini tidak hanya mendapat perhatian daripada orang ramai dan sasaran kritikan parti-parti politik, bahkan ia menjadi isu hangat dibahaskan dalam Majlis Mesyuarat Negeri.⁵ Pada tahun 1962, salah seorang ahli majlis yang mewakili pihak pembangkang mengusulkan supaya kerajaan merangka dan membentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur asing. Syor ini telah mendapat bantahan daripada wakil kerajaan kerana menganggap Brunei telah pun mempunyai dasar pendidikan tersendiri. Jika dasar ini dirombak, ia akan menambah beban kerajaan

⁵Lihat "CO 1030/300: E.R. Bevington, The Economy and Development of State of Brunei' on 30 Jun 1955" dalam *Fail Rasmi Kerajaan*. Bandar Seri Begawan: Arkib Negara Brunei Darussalam.

(Osman, 1990).

Pegawai pelajaran yang diwakili oleh seorang pegawai British, dalam hujahnya menyanggah syor tersebut, mengatakan bahawa sistem pendidikan Brunei sudah mencapai kemajuan kerana sekolah telah banyak didirikan. Pelajar juga semakin ramai yang dihantar keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran. Kenyataan ini tidak dinafikan, namun gambaran banyak sekolah sudah didirikan dan sudah ramai anak-anak Brunei menjejaskan kaki ke alam persekolahan memang mencerminkan sebahagian dari kemajuan sesuatu sistem pendidikan.⁶ Bagaimanapun, tanda aras kemajuan juga perlu diukur melalui sudah berapa ramai anak-anak Brunei yang memiliki pendidikan tinggi atau yang telah melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti. Walhal, pada masa itu taraf pendidikan Sekolah Melayu masih terbatas di peringkat pendidikan rendah. Akhirnya, resolusi ini ditolak kerana tidak mendapat undi majoriti dalam majlis.

Ironiknya, pada tahun 1962 ini juga kerajaan sebenarnya telah merancang untuk mengwujudkan satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baru. Ini menunjukkan cadangan dari ahli parti pembangkang itu mendapat perhatian dari kerajaan. Dasar pendidikan yang baru perlu dibentuk kerana kerajaan bimbang terhadap pengaruh Parti Rakyat Brunei yang telah meresapi sebahagian rakyat Brunei ketika itu (Haji Ahmad, 1989). Pendidikan telah menjadi isu dan agenda perjuangan parti ini untuk meraih sokongan orang ramai.

Sudah menjadi lumrah, salah satu ciri gerakan nasionalisme, selain mendapatkan kemerdekaan dari tangan penjajah, akan diikuti pula usaha untuk menghidupkan kembali warisan budaya tempatan, di antaranya ialah

memertabatkan bahasa kebangsaan (Ramanathan, 1985:1; dan Hussin, 2002:134). Jadi, untuk membendung pengaruh ini kerajaan memikirkan perlunya dibentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baru bagi memenuhi kehendak rakyat. Selain itu perjuangan menobatkan Bahasa Melayu dari bahasa terpinggir sedang hangat dilakukan di Tanah Melayu pada masa itu. Bahang perjuangan ini telah mempengaruhi masyarakat Brunei, terutama di kalangan guru-guru Melayu untuk sama-sama meningkatkan kedudukan bahasa ini (Ramanathan, 1985:36-40).

Mengenai Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang Tahun 1959.

Kerajaan Brunei telah mengundang dua pakar pendidikan dari Tanah Melayu pada tahun 1959, iaitu Aminuddin Baki dan Paul Chang. Mereka ditugaskan untuk mengkaji pelaksanaan sistem pendidikan Brunei. Hasil kajian ini dikenali sebagai "Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang Tahun 1959". Salah satu cadangan laporan ini supaya kanak-kanak daripada semua bangsa disatukan di bawah satu Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Sistem ini dijangka boleh menjadi wadah perpaduan kepada semua lapisan rakyat yang terdiri dari berbilang kaum, keturunan, dan agama. Aspek ini disarankan kerana penyelidik-penyelidik ini mendapati sistem pendidikan Brunei pada masa itu dilaksanakan dalam aliran bahasa yang berlainan (Baki & Chang, 1959:2).

Laporan ini juga mengemukakan pandangan agar sistem pendidikan Brunei mengarah ke arah mengeluarkan tenaga manusia Brunei berpendidikan tinggi dan berkemahiran yang diperlukan dalam berbagai bidang, seperti pentadbiran, perdagangan, perindustrian, dan sebagainya. Hal ini disarankan kerana mereka mendapati sistem pendidikan yang ada berciri menekan dan berhanyut

⁶Lihat berita "Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei, 16 dan 17 April 1962" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 18 April 1962.

tanpa ada tujuan yang jelas. Ia tidak menampakkan untuk melahirkan generasi muda Brunei yang bakal memiliki kepakaran dalam berbagai bidang (Baki & Chang, 1959:12-13). Sedangkan perkara ini diperlukan oleh setiap negara membangun seperti Brunei.

Mengenai Dasar Pendidikan Negara Tahun 1962. Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang Tahun 1959 kemudiannya telah dinilai dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Mengkaji Pelajaran Brunei. Akhirnya, jawatankuasa ini berjaya mengeluarkan satu dasar pendidikan baru yang dikenali sebagai Dasar Pendidikan Negara pada 31 Oktober 1962 (JSK, 1962:1). Oleh kerana kandungan dasar baru ini diserap dari Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang Tahun 1959, maka matlamat utama pendidikan dalam dasar baru ini sama dengan tujuan yang dikemukakan dalam laporan tersebut.

Dasar Pendidikan Negara 1962 boleh dikatakan dasar pelajaran pertama bagi Brunei yang paling jelas kandungan dan matlamatnya berbanding dengan Dasar Pendidikan 1954. Di antara perkara baru dalam dasar ini ialah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah Brunei. Ia juga mahu menyatukan sekolah-sekolah yang berlainan aliran bukan sahaja menjadi satu aliran, malahan menyatukan sistem dan kurikulumnya. Dasar ini juga mahu agar peluang mengikuti pendidikan formal diberikan kepada semua lapisan rakyat Brunei tanpa menghadkan hanya satu kaum, seperti mana Dasar Pendidikan 1954 yang cuma membataskan kepada anak-anak Melayu (Asbol bin Haji Mail, 2006:35). Dasar Pendidikan Negara 1962 ini juga mencadangkan supaya pendidikan menjadi media memupuk generasi muda yang taat kepada Sultan dan Negara.

Sungguhpun Dasar Pendidikan

Negara 1962 telah dibentuk, namun sebahagian kandungannya gagal untuk menjadi kenyataan dalam sistem pendidikan Brunei. Salah satu sebab kegagalan dasar ini ialah berlaku revolusi 1962 yang dicituskan oleh Parti Rakyat Brunei pada 8 Disember 1962. Apabila pemberontakan berlaku, huru-hara tidak dapat dielakkan. Majoriti sekolah telah digunakan oleh pasukan tentera sebagai markas dan pusat tahanan kepada ahli pemberontak yang ditangkap. Implikasinya, operasi pendidikan di Brunei terancam. Sementara itu, jentera pentadbiran kerajaan pula perlu memfokus perhatian kepada memulihkan keamanan.

Peranan Malaysia kepada kegagalan pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara 1962 juga tidak boleh diketepikan. Ia berkaitan dengan langkah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, mengutarakan cadangan kepada kerajaan Sarawak, Brunei, dan Sabah pada bulan Mei 1961 untuk bergabung di bawah gagasan Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan. Cadangan ini telah teliti secara saksama oleh Sultan Omar Ali Saifuddin dan Baginda sendiri mengatakan pada dasarnya Brunei bersetuju untuk menyertai Malaysia, jika dasar persekutuan itu bersesuaian dengan kehendak Brunei dan boleh mendatangkan faedah (*Pelita Brunei*, 6/12/1961; dan Abu Bakar, 1981:117).

Pemimpin Sarawak dan Sabah bersetuju untuk menyertai gagasan Malaysia, tetapi akhirnya Brunei menolaknya pada 9 Julai 1963. Berbagai teori telah dikemukakan oleh para pengkaji sejarah, mengapa Brunei menolak tawaran tersebut? Ada yang mengatakan bahawa jawatan Yang Dipertuan Agung tidak ditawarkan kepada Sultan Omar Ali Saifuddin, oleh itu Baginda berkecil hati. Ada pula yang berpendapat bahawa Malaysia terlalu tinggi meminta bayaran tahunan

kepada Brunei, iaitu sebanyak \$ 60 juta setahun untuk diberikan kepada kerajaan pusat. Minyak Brunei juga akan menjadi milik kerajaan pusat setelah sepuluh tahun kemasukannya ke dalam Persekutuan Malaysia. Tidak kurang pula mengatakan adanya pengaruh British. Apabila Brunei menolak untuk menyertai Malaysia, maka Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj bertindak balas dengan menarik balik pegawai-pegawai dan guru-guru Malaysia yang diperbantukan untuk berkhidmat di Brunei. Kesan dari penarikan ini pentadbiran awam Brunei menghadapi kemelut (*Pelita Brunei*, 6/12/1961; dan Abu Bakar, 1981:117).

Bagaimanapun, Sultan bertindak balas dengan meminjam pegawai-pegawai British untuk mengambil alih tempat pegawai-pegawai Malaysia yang ditinggalkan. Kehilangan pegawai-pegawai dan guru-guru dari Malaysia ini menyebabkan Brunei bukan sahaja berhadapan dengan hambatan pentadbiran awam, tetapi juga mengalami kesulitan untuk melaksanakan Dasar Pendidikan Negara 1962.⁷ Pada saat itu bantuan Malaysia sangat diperlukan bagi merealisasikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di negeri ini. Kedudukan bahasa Melayu ini semakin rumit apabila pegawai-pegawai British yang berkhidmat di Brunei semakin ramai. Dalam melaksanakan perkara ini juga Brunei tidak hanya memerlukan tenaga pengajar, bahkan sistem peperiksaan, kurikulum, dan buku-buku teks juga memerlukan kerjasama erat dengan Malaysia. Negara Malaysia ini dilihat lebih berpengalaman dan maju berbanding dengan Brunei.

Sementara itu, Brunei tidak mahu mengikut sistem pendidikan Indonesia kerana masalah bahasa dan istilah yang jauh berbeza dengan negara

ini. Tambahan pula pada ketika itu kerajaan masih rasa terkilan dengan sikap Indonesia yang terang-terangan mengulurkan sokongan kepada Parti Rakyat Brunei yang mencetuskan revolusi. Brunei juga merasa kurang senang dengan negara Indonesia apabila Syeikh Azahari, pengerusi Parti Rakyat Brunei diberikan perlindungan. Jadi, pada masa itu hubungan Brunei dengan Indonesia berada dalam situasi kurang mesra. Oleh itulah, pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara 1962 mengalami kegagalan, terutama bagi menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar (JPB, 1966).

Mengenai Dasar Pendidikan

Tahun 1972. Setelah kegagalan Dasar Pendidikan Negara 1962, maka Brunei telah membentuk sebuah Suruhanjaya Pelajaran yang baru pada bulan Mei 1970. Pada masa itu, Brunei berada di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanah Bolkuah yang telah naik tahta pada tahun 1967. Suruhanjaya ini diamanahkan untuk meneliti kedudukan sistem pendidikan Brunei dengan maksud akhirnya membentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang lengkap, sesuai dengan cita-cita, kepentingan, dan perkembangan ekonomi serta kedudukan rakyat Brunei. Hasil kajian ini, suruhanjaya telah mengeluarkan satu dasar pendidikan yang baru pada tahun 1972.

Kemunculan Dasar Pendidikan 1972 ini bukan sahaja berpunca dari kegagalan Dasar Pendidikan Negara 1962, kemungkinan besar juga ada hubungan dan pengaruhnya dengan peristiwa rusuhan kaum di Malaysia. Tragedi ini berlaku pada 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur. Kesan rusuhan ini, kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan tegas dengan melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan penyusunan semula masyarakat. Kerajaan Malaysia juga melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan pada bulan Julai 1969.

Tujuan utama dasar ini untuk

⁷Lihat "Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei: 16 dan 17 April 1962" dalam *Fail Rasmi Kerajaan*. Bandar Seri Begawan: Arkib Negara Brunei Darussalam.

menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah beraliran Inggeris, Cina, dan Tamil. Pada tahun 1970 pula, kerajaan Malaysia menubuhkan UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya (Hussin, 1993 dan 2002). Dasar-dasar ini dibentuk semata-mata untuk mempupuk perpaduan kaum ke atas masyarakat Malaysia yang berbilang etnik. Kerajaan Malaysia telah memikirkan bahawa tunggak utama ke arah perpaduan ini ialah dengan menyemai bibit-bibit perpaduan melalui penubuhan dasar pendidikan dengan Bahasa Melayu sebagai terasnya (Hussin, 1993 dan 202).

Kewujudan Dasar Pendidikan 1972 berkaitan dengan pengaruh peristiwa 13 Mei 1969 di Malaysia. Persoalannya, mengapa Brunei baru membentuk Suruhanjaya Pelajaran pada tahun 1970, iaitu selepas tragedi tersebut? Mengapa pihak kerajaan tidak mengkaji sistem pendidikan pada tahun 1972, sepertimana biasanya kajian terhadap perubahan dasar pendidikan sesebuah negara dilakukan setiap sepuluh tahun? Kajian juga mungkin boleh dibuat lebih awal dari masa ini, umpamanya pada tahun 1968 atau 1969, kerana dalam tempoh ini suasana politik dan sosio-ekonomi Brunei berada dalam keadaan mantap sebaik-baik sahaja revolusi 1962 berjaya dipatahkan. Oleh itu, ada kemungkinan kerajaan Brunei mengambil pengajaran dari peristiwa 13 Mei 1969 ini agar tidak terjadi di bumi Brunei, makanya dibentuk dasar pendidikan yang baru. Dasar ini menekankan satu sistem pendidikan dan satu kurikulum bagi semua sekolah. Menerusi dasar baru ini dijangka semangat perpaduan kaum boleh dijana dan diperkukuhkan sejak peringkat bangku sekolah lagi.

Pada asasnya, kandungan Dasar Pendidikan 1972 tidak banyak berbeza dengan Dasar Pendidikan Negara

1962. Dalam kedua-dua dasar tersebut menekankan supaya Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah di Brunei, menyatukan sistem pendidikan, memenuhi keperluan tenaga manusia, dan melahirkan generasi yang taat dan setia kepada Sultan dan Negara. Perbezaan yang jelas antara kedua-dua dasar ini ialah Dasar Pendidikan 1972 cuba menonjolkan pendidikan Islam sebagai satu mata pelajaran penting untuk diajarkan di sekolah-sekolah. Hal ini juga mungkin ada kaitan dengan apa yang berlaku di Malaysia, kerana pada waktu itu kebangkitan Islam sebagai pegangan hidup utama umat Islam sedang giat diperjuangkan oleh sebahagian masyarakat Islam di negara tersebut (SPB, 1972:11; dan Abu Bakar, 1986:184-185).

Kalau pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara 1962 digagalkan oleh peristiwa penolakan Brunei untuk memasuki Persekutuan Malaysia, maka peristiwa yang ada hubungan dan pengaruh Malaysia juga memainkan peranan salah satu punca kegagalan Dasar Pendidikan 1972 untuk dilaksanakan. Pada saat-saat Dasar Pendidikan 1972 dilancarkan, hubungan Brunei dan Malaysia berada dalam keadaan kritikal. Sedangkan Brunei pada masa itu amat memerlukan bantuan dari Malaysia untuk menjayakan Dasar Pendidikan 1972. Brunei memerlukan Malaysia dalam bentuk tenaga pengajar, buku-buku teks, dan sistem peperiksaan (Saad, 1986).

Hubungan kurang mesra ini berlaku apabila beberapa orang bekas pemimpin Parti Rakyat Brunei berjaya melarikan diri dari tahanan dengan bantuan wadar penjara dari Malaysia yang berkhidmat di Brunei. Dalam pada itu, terdapat lagi beberapa orang pelajar Brunei yang melakukan kegiatan menentang kerajaan, melarikan diri ke Malaysia. Mereka telah mendapat dokongan kerajaan Malaysia. Peristiwa

ini telah menimbulkan ketegangan hubungan antara kedua-dua negara. Brunei pula bertindak balas dengan menarik balik pelajar-pelajarnya yang sedang menuntut di Malaysia. Para pelajar telah menjadi mangsa kerana ada di antaranya saat-saat mereka menduduki peperiksaan akhir juga diarahkan untuk balik ke Brunei. Penarikan balik ini dilakukan kerana kerajaan Brunei bimbang bahawa mereka akan dipengaruhi oleh Malaysia bagi bangun menentang kerajaan Brunei (Ranjit Singh, 1984:203; dan Leake, 1990:56-57).

Dengan penarikan ini, maka ia menimbulkan masalah secara langsung kepada pelaksanaan Dasar Pendidikan 1972 yang mahu menjadi Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Selain itu, peluang untuk pelajar beraliran Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Malaysia, yang mempunyai sistem pendidikannya pengantar Bahasa Melayu, telah tertutup. Senario ini telah mendorong ramai pelajar aliran Melayu menamatkan persekolahan mereka, sama ada setakat tingkatan lima atau tingkatan enam. Mereka memilih untuk memasuki alam pekerjaan seperti menjadi guru, kerani, dan lain-lain jawatan rendah di jabatan-jabatan kerajaan atau swasta. Sedangkan ada di kalangan mereka masih berminat dan mempunyai potensi untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti (*Berita Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei*, 28/11/1972 dan 25/9/1973).

Mengenai Dasar Pendidikan Dwi-Bahasa Tahun 1984. Berikutan dengan kegagalan Dasar Pendidikan 1972 ini, maka kerajaan perlu lagi mewujudkan dasar pendidikan baru yang sesuai dengan perkembangan dan perubahan sosio-ekonomi masyarakat Brunei, lebih-lebih lagi saat Brunei sudah mencapai kemerdekaan penuh dari tangan British pada tahun 1984. Dengan yang demikian, pada 9 April 1984, kerajaan secara rasmi

mengisytiharkan satu dasar pendidikan baru yang dikenali sebagai Dasar Pendidikan Konsep Dwi-Bahasa atau Dasar Dwi-Bahasa (*Pelita Brunei*, 18/4/1984).

Secara umumnya, tujuan utama Dasar Pendidikan Dwi-Bahasa Tahun 1984 tidak banyak bezanya dengan apa yang terkandung dalam Dasar Pendidikan Tahun 1972. Contohnya, penyatuan sistem pendidikan dari segi kurikulum, peperiksaan, dan penerapan nilai-nilai Islam. Bagaimanapun, perbezaan yang ketara pada dasar ini dengan Dasar Pendidikan 1972 ialah penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan Brunei. Menurut dasar ini, murid-murid dari peringkat TADIKA (Taman Pendidikan Kanak-kanak) hingga ke darjah tiga, semua mata pelajaran akan diajarkan dalam Bahasa Melayu, kecuali mata pelajaran Bahasa Inggeris. Manakala itu, bermula dari darjah empat maka pelajar ini akan mula mengikuti pelajaran dalam semua mata pelajaran dalam Bahasa Inggeris, kecuali mata pelajaran Agama Islam, Lukisan, dan Pendidikan Jasmani.⁸

DASAR-DASAR PENDIDIKAN HUBUNGANNYA DENGAN FALSAFAH MELAYU ISLAM BERAJA

Dari pembicaraan dasar-dasar di atas maka boleh dibuat penilaian, sama ada ia mempunyai hubungan dengan falsafah Melayu Islam Beraja atau tidak. Penilaian boleh dilakukan dalam dua perspektif, yang tersurat dan tersirat. Perspektif yang tersurat bermaksud bahawa dasar-dasar ini mempunyai hubungan langsung atau nyata dengan falsafah Melayu Islam Beraja. Manakala itu, yang tersirat bolehlah dinilai dari segi hubungan tidak langsung atau kurang jelas dengan falsafah tersebut.

⁸Lihat juga "BA/6469/1983, SUK 240/52: Education Policy for Brunei" dalam *Fail Rasmi Kerajaan*. Bandar Seri Begawan: Arkib Negara Brunei Darussalam.

Dari segi hubungan langsung dengan falsafah Melayu Islam Beraja, bolehlah diteliti dari segi Melayunya apabila Dasar Pendidikan Negara 1962 dan Dasar Pendidikan 1972 mahukan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama di sekolah-sekolah seluruh negara. Bahasa Melayu memang termasuk dalam komponen falsafah Melayu Islam Beraja. Bahasa ini memang sinonim dengan bangsa Melayu dan Raja yang berbangsa Melayu bagi Brunei. Bahasa ini sudah sewajarnya diangkat statusnya ke dalam sistem pendidikan Brunei kerana sejak tahun 1914, ia seolah-olah terpinggir dan tidak diperdulikan kemajuan dan perkembangannya apabila dalam sistem pendidikan Brunei hanya digunakan setakat darjah enam (Haji Jibah, 1983).

Sesuatu bahasa itu hanya akan dipandang tinggi apabila ia memainkan peranan penting dalam institusi pendidikan sesebuah negara dari peringkat rendah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Selain itu, ia bukan sahaja berperanan sebagai wadah perpaduan rakyat Brunei yang berbilang kaum dan agama, tetapi yang jelasnya ia tidak boleh dipisahkan sebagai identiti dan imej bangsa, raja, dan agama Brunei (Ramanathan, 1985).

Kendatipun ia satu cita-cita murni, seperti yang terancang dalam Dasar Pendidikan Negara 1962 dan Dasar Pendidikan 1972, tapi tidak dapat dilaksanakan sehingga tahun 1983. Oleh itu, sistem pendidikan berlainan aliran terus wujud, malahan dari tahun 1984 hingga tahun 2010, Bahasa Inggeris semakin dominan sebagai bahasa pengantar. Selepas kemunculan Dasar Pendidikan 1972, suara-suara orang ramai mendesak kerajaan supaya menggubal satu dasar pendidikan baru yang lebih bercorak kebangsaan sudah tidak begitu kedengaran lagi jika dibandingkan dengan dekad 1950-an dan awal 1960-an (*Suara Bakti*, 3/11/1961 dan 24/11/1961).

Selepas peristiwa pemberontakan

1962, kemunculan parti-parti politik tidak lagi menunjukkan pengaruhnya, bahkan kepercayaan orang ramai kepadanya jauh merosot. Mereka tidak lagi yakin kepada sistem politik berparti yang mampu membawa kesejahteraan dan keamanan kepada Brunei. Malah mereka telah mengalami nasib buruk apabila ramai saudara mara mereka telah terkorban dan ditangkap dalam peristiwa berdarah 1962. Jadi, rata-rata masyarakat Brunei melihat sistem pemerintahan beraja masih mampu memberikan kesejahteraan kepada mereka.⁹ Oleh itu, kerajaan tidak begitu bimbang sungguhpun kandungan Dasar Pendidikan 1972 tidak tercapai.

Lagipun semakin ramai masyarakat Brunei sudah menyedari kepentingan Bahasa Inggeris dalam dunia pendidikan memang sukar diketepikan. Senario ini semakin jelas pada awal tahun 1970-an, apabila lahir semakin ramai golongan terpelajar yang berkelulusan dari Sekolah Inggeris. Kumpulan ini bukan sahaja di kalangan graduan lelaki, tetapi semakin ramai di kalangan kaum wanita. Kebanyakan mereka telah menyandang jawatan-jawatan penting dan menjadi ketua di sektor awam dan swasta.

Kegagalan Dasar Pendidikan 1972 dalam menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah juga disebabkan oleh sikap masyarakat Brunei memandang rendah terhadap pendidikan aliran Melayu. Majoriti ibu bapa lebih cenderung menghantar anak-anak mereka ke sekolah beraliran Inggeris (JPB, 1972; dan JSK, 1972). Bahkan tindakan lebih drastik lagi, bagi yang berkemampuan dari segi kewangan terus menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah swasta beraliran Inggeris atau terus menghantar ke luar negeri. Sikap ini bukan baru, bahkan dilaporkan sudah

⁹Lihat berita bertajuk "Sistem Pelajaran Kita Harus Segara Dirubah" dalam *Majalah Suara Guru*, Keluaran ke-3 [Februari 1962]. Brunei: Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei.

berlaku sejak tahun 1950-an lagi.

Pada tahun-tahun tersebut telah dikatakan ramai ibu bapa yang mahukan anak-anak mereka memasuki sekolah Inggeris kerajaan. Bagaimanapun, untuk memasuki sekolah ini memerlukan tapisan dan saingan. Murid-murid yang ingin memasuki sekolah Inggeris mestilah menduduki peperiksaan calon ke sekolah ini. Had umur yang ditentukan oleh kerajaan menjadi syarat untuk memasuki sekolah Inggeris.¹⁰

Perubahan sikap ini semakin ketara menjelang akhir tahun 1970-an, apabila keramaian pelajar beraliran Melayu semakin merosot dan akhirnya diserapkan ke Sekolah Inggeris. Contohnya, keramaian pelajar Sekolah Menengah Melayu seluruh Brunei pada tahun 1970 ialah 4,487 orang, tetapi pada tahun 1979 jatuh kepada 1,218 orang; sedangkan pada tahun yang sama, keramaian pelajar Sekolah Menengah Inggeris Kerajaan ialah 7,344 orang.

Dalam hal ini sikap ibu bapa Brunei juga tidak patut disalahkan, kerana dasar kerajaan dalam penggunaan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah kelihatannya kurang tegas, bahkan masih terdapat sikap toleransi. Dengan demikian, ibu bapa melihat lebih baik memasukkan anak-anak mereka ke Sekolah Inggeris kerana peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di luar negeri lebih cerah berbanding dengan Sekolah Melayu. Ibu bapa sudah melihat dan merasakan bahawa orang-orang yang menguasai lebih dari satu bahasa memang mempunyai kelebihan dan mempunyai peluang lebih baik untuk menjawat jawatan tinggi, bukan sahaja di sektor swasta bahkan juga di sektor awam (Asbol bin Haji Mail, 2006:43).

Sungguhpun Dasar Pendidikan Dwi-Bahasa Tahun 1984 boleh digambarkan

sebagai dasar menggunakan dan mengutamakan dua bahasa utama, iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris, tetapi pada realitinya ia tidak berlaku, bahkan penggunaan Bahasa Melayu di sekolah-sekolah kelihatannya semakin terpinggir berbanding dengan penggunaan Bahasa Inggeris. Pada kenyataannya, dasar ini adalah dasar menjadikan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan Brunei (Osman, Hadi Abdullah & Haji Hakip, 1995). Lantas dengan itu, matlamat menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah akhirnya gagal dicapai. Apa yang jelas, ia kelihatannya bertentangan dengan falsafah Melayu Islam Beraja, kerana Bahasa Melayu adalah sebahagian dari kandungan falsafah ini.

Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah Brunei, dalam Dasar Pendidikan Dwi-Bahasa 1984, digunakan dengan tujuan bagi memudahkan pelajar Brunei untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri, khususnya di institusi-institusi pengajian yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar (KPK Brunei Darussalam, 1985:1-2). Lagipun, ada yang berpendapat bahawa Brunei merupakan negara yang kecil, jika penduduknya semakin bertambah maka untuk mendapatkan lapangan pekerjaan bagi mereka mungkin semakin sukar ketika itu. Jadi, apabila rata-rata rakyat Brunei menguasai Bahasa Inggeris, mereka lebih mudah untuk berkhidmat di luar negeri. Sebagaimana yang berlaku dengan orang-orang India, Filipina, dan Singapura, mereka boleh bekerja di mana-mana sahaja seluruh dunia kerana Bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa.

Walau bagaimanapun, Bahasa Inggeris begitu dominan dalam sistem pendidikan Brunei selepas merdeka tahun 1984. Namun penggunaan Bahasa Melayu di tengah-tengah masyarakat Brunei boleh

¹⁰Lihat, umpamanya, "BA12887/78, State Council Meeting, 4 September 1957" dalam *Fail Rasmi Kerajaan Brunei Darussalam*.

dikatakan serba sedikit masih boleh dipertahankan, sungguhpun mendapat asakkan berterus dari bahasa lain. Kerana dalam sektor kerajaan, surat-menyurat dan mesyuarat dimestikan menggunakan Bahasa Melayu. Mana-mana pelajar ingin melanjutkan pelajaran keluar negeri, dibawah dermasiswa kerajaan, mereka wajib lulus mata pelajaran Bahasa Melayu (MoE, 1992).

Sementara itu, dalam sistem pendidikan agama yang berasing mula ditubuhkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien pada tahun 1956 dan terus wujud sehingga tahun 2010. Dengan itu, ia boleh dikatakan sebagai penting dalam menanai keutuhan Bahasa Melayu, sekaligus mengukuhkan falsafah Melayu Islam Beraja. Peranan ini jelas kerana sistem sekolah menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utamanya dan menggunakan tulisan Jawi. Dengan adanya Sekolah Agama ini bukan sahaja generasi muda Brunei dapat diberikan pendidikan agama, tetapi juga sebagai peneguh kedudukan Islam dan Melayu sepertimana yang terdapat dalam falsafah Melayu Islam Beraja. Bayangkan jika sekolah ini tidak wujud dalam masyarakat Brunei. Sudah pasti penggunaan dan keberadaan tulisan Jawi sebagai tulisan milik orang-orang Melayu akan pupus akibat dari pengaruh tulisan Rumi. Selain itu, dalam Dasar Pendidikan 1972 juga menekankan perlunya pendidikan agama diajarkan di sekolah-sekolah seluruh negeri Brunei.

Meskipun pada yang tersurat dasar-dasar pendidikan dari tahun 1954 hingga 2010 tidak dapat menobatkan Bahasa Melayu sebagai pengantar utama ke persada pendidikan Brunei, namun pada makna yang tersirat ianya masih mempunyai hubungan dengan falsafah Melayu Islam Beraja. Hal ini boleh dilihat dari sudut Islam yang menjadi komponen falsafah ini, yang mana dalam agama ini memang

menggalakkan umat untuk menguasai lebih dari satu bahasa. Dorongan ini jelas apabila Nabi Muhammad SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) pernah bersabda, "*Tuntutlah ilmu hingga ke negeri China*". Jika Hadist ini dianalisis dengan sehalusnya, ia mengandungi makna tersirat. Rasulullah sebenarnya mengajak umat Islam untuk belajar ilmu keduniaan, bukan sahaja ilmu akhirat. Kerana tidak mungkin Rasulullah dalam Hadist ini menyuruh umat mempelajari ilmu agama di negeri China, tetapi belajar ilmu di sana kerana pada ketika itu China adalah sebuah negara bertamadun tinggi.

Maknanya, umat Islam tidak dihalang untuk mencari ilmu di negeri-negeri yang sudah maju tamadunnya. Jadi, samalah dengan masa kini bahawa umat Islam perlu menimba ilmu di negara-negara Barat, kerana di negara ini ilmu begitu maju dan berkembang. Selain itu juga, Nabi secara tersirat menggalakkan umatnya untuk menguasai lebih dari satu bahasa. Ertinya, selain menguasai bahasa ibunda, umatnya juga perlu menguasai bahasa asing, kalau boleh menguasai beberapa bahasa. Hal ini jelas apabila menuntut ilmu di negeri China, maka bagi mereka yang menuntut di sana, bagi memudahkan menguasai dan memahami ilmu yang dituntut, maka mereka terlebih dahulu perlu menguasai bahasa China. Oleh itu, penguasaan lebih dari satu bahasa ini penting untuk mendalami ilmu dunia dan akhirat. Umat Islam akan dapat meningkatkan kemajuan dalam berbagai bidang ilmu, jika mereka dapat menguasai lebih dari satu bahasa.

Dalam rakaman sejarah, umat Islam sudah terbukti di era pemerintahan Kerajaan Ummaiyah dan Abbasiyah bahawa tamadun umat Islam telah mencapai kecemerlangan kerana cendekiawannya mampu menguasai lebih dari satu bahasa. Begitu juga Eropah, yang telah bangkit dari zaman kegelapan dan maju menjadi

sebuah bangsa yang bertamadun, kerana kebanyakan golongan bijak pandainya dapat menguasai lebih dari satu bahasa. Mereka bekerja keras menterjemahkan ilmu-ilmu lain ke dalam bahasa ibunda mereka. Dari sini mereka meneruskan penyelidikan dan mengembangkan ilmu yang ada dan seterusnya mencipta ilmu-ilmu terbaru (Haji Abdullah, 1994:9-10).

Bagi Brunei pula, penggunaan bahasa asing dalam sistem pendidikan negara sebenarnya memang mendapat dokongan daripada Sultan Brunei, Sultan Omar Ali Saifuddien. Baginda telah mengasaskan Sekolah Inggeris Kerajaan pada tahun 1951 dan Sekolah Arab pada tahun 1966. Baginda juga menggalakkan anak-anak Brunei untuk menuntut ilmu setinggi-tinggi di luar negeri dengan memberikan kemudahan dermasiswa. Ini menunjukkan bahawa Baginda mahu anak-anak Brunei menguasai lebih dari satu bahasa dalam meninggikan ilmu pengetahuan.

Namun begitu, bagi Brunei meskipun bahasa lain mendapat keutamaan dalam sistem pendidikan negara, tetapi masyarakat negara ini seharusnya tidak meminggirkan bahasa sendiri. Sepatutnya, golongan intelek lulusan luar negeri, sama ada dari Barat atau Timur Tengah apabila mereka kembali ke tanah air, ilmu yang diperolehi sepatut menjadi wadah untuk meningkatkan kemajuan Bahasa Melayu, di samping mempunyai pegangan agama yang kuat dan menghormati budaya tempatan (Mohd Jamil Al-Sufri, 2008b:260-265). Ertinya, konsep menang-menang mesti ada, kalau Bahasa Inggeris dijulung tinggi, Bahasa Melayu juga perlu dibuat sama. Senario seperti ini sudahpun berlaku dalam masyarakat China, Jepun, dan Korea Selatan yang mencapai kemajuan, tetapi mantap dalam menguasai bahasa ibunda mereka. Dengan itu, barulah penguasaan bahasa asing selaras dan sebulu dengan kehendak falsafah Melayu Islam Beraja.

Selain itu, Dasar Pendidikan Negara 1962, 1972, dan 1984 mahu membentuk satu generasi muda yang taat kepada Sultan dan Negara. Hal ini memang sesuai, memandangkan Brunei merupakan negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Semangat taat setia ini penting dalam memupuk ke arah perpaduan yang boleh membawa kepada keamanan dan kesejahteraan negara (*Pelita Brunei*, 18/4/1984; dan SoB, 1984). Sultan atau Raja juga banyak memainkan peranan dalam perkembangan pendidikan di negara ini. Sebagai contoh, penubuhan Sekolah Inggeris, Arab, maktab perguruan, hingga universiti sentiasa mendapat galakkan dan dorongan yang padu dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan ayahanda Baginda, Sultan Omar Ali Saifuddien.

Bagi pelajar-pelajar yang berkeupayaan untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri akan diberikan dermasiswa kerajaan. Begitu juga dasar pendidikan percuma sejak tahun 1914 diteruskan hingga tahun 2010. Ia bukan sahaja percuma dari segi yuran sekolah, tetapi juga makan dan minum, kenderaan, dan pengangkutan juga diberikan secara percuma. Malahan di institusi pengajian tinggi, para pelajar warganegara Brunei diberikan elaun setiap bulan. Contohnya, mahasiswa Universiti Brunei Darussalam diberikan elaun sebanyak \$ 350.00 Brunei sebulan. Oleh kerana perhatian kedua-dua Baginda terhadap perkembangan pendidikan negara, setiap tahun kerajaan menyediakan peruntukkan yang besar dalam membiayai pelaksanaan pendidikan di negara Brunei Darussalam.

Dalam kemajuan bidang pendidikan ini yang banyak mendapat manfaat ialah rakyat Brunei yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Oleh itu, jelaslah Sultan Brunei telah menunjukkan komitmen Baginda dalam pembangunan sektor pendidikan

negara. Dengan yang demikian, dari segi Raja, ia mempunyai hubungan langsung dengan falsafah Melayu Islam Beraja itu sendiri.

Dalam mengukuhkan kedudukan falsafah Melayu Islam Beraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga berkenan menubuhkan Akademi Pengajian Brunei pada tahun 1990 dan Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja pada 21 Julai 1990 (JPJPMN Brunei Darussalam, 1994a:25; dan Mohd Jamil Al-Sufri, 2008a:229). Kedua-dua institusi ini memainkan peranan untuk memberiga, memahamkan, dan menerapkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja ke atas berbagai lapisan masyarakat Brunei. Pada tahun 1993, Baginda juga bercita-cita untuk menjadikan Undang-Undang Islam sebagai tulang belakang Undang-Undang Negara (JPJPMN Brunei Darussalam, 1994b:26; dan Yahya bin Haji Ibrahim, 2000:149-150).

KESIMPULAN

Dari pembicaraan di atas nyatalah bahawa dasar-dasar pendidikan yang muncul dalam sistem pendidikan Brunei, dari tahun 1954 hingga 2010, memang mempunyai hubungan yang tersurat dan tersirat dengan falsafah Melayu Islam Beraja. Hubungan tersurat dengan Melayu dan Islam boleh dilihat wujudnya sistem pendidikan agama yang menggunakan Bahasa Melayu dan tulisan Jawi dalam pengajaran dan pembelajarannya. Sementara itu, Dasar Pendidikan 1972 pula menekankan perlunya pendidikan agama sebagai satu mata pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah Brunei.

Manakala itu, hubungan tersurat dengan Raja boleh diteliti melalui sumbangan langsung Sultan Omar Ali Saifuddin dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam perkembangan pendidikan Brunei. Kedua-dua Baginda berjasa besar dalam membangunkan

dan mengembangkan sektor pendidikan dari sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Dengan sumbangan Baginda berdua, masyarakat Brunei bukan sahaja terhindar dari menjadi masyarakat buta huruf tetapi juga sudah menjadi masyarakat berilmu dalam berbagai bidang yang seimbang dengan negara-negara lain.

Sementara itu, hubungan tersirat dasar-dasar pendidikan Brunei dari tahun 1954 hingga 2010 boleh dikaitkan dengan Islam itu sendiri. Dalam aspek ini boleh dilihat apabila Rasulullah SAW (*Salallahu 'Alaihi Wassalam*) menggalakkan umatnya mencari ilmu hingga ke negeri China. Dengan Hadist ini bolehlah diinterpretasikan bahawa Islam meminta umatnya untuk mempelajari ilmu dunia dan akhirat.

Selain itu, untuk lebih maju maka umat Islam perlu menguasai lebih dari satu bahasa. Jadi, dasar-dasar pendidikan Brunei dari tahun 1954 hingga 2010, yang mengutamakan bahasa Inggeris, boleh dikatakan selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja apabila Islam mendorong umatnya untuk menguasai lebih dari satu bahasa demi kemajuan mereka sendiri. Namun begitu, kehadiran bahasa asing janganlah sampai meminggirkan bahasa ibunda sendiri kerana ia adalah simbol jati diri dan warisan sesuatu bangsa yang tidak ternilai harganya.

Bibliografi

- Abu Bakar, Mohamad. (1981). "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia" dalam *Malaysia dari Segi Sejarah*, No.10.
- Abu Bakar, Mohamad. (1986). "Perspektif Islam Semasa: Suatu Tinjauan Kritis" dalam *Islam dan Pembangunan Negara*. Bangi, Selangor: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Asbol bin Haji Mail, Haji Awg. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950 – 1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Baki, Aminuddin & Paul Chang. (1959). "Laporan

- Penyata Pelajaran Negeri Brunei". *Laporan Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei: 21 September.
- "BA12887/78, State Council Meeting, 4 September 1957" dalam *Fail Rasmi Kerajaan Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Arkib Negara Brunei Darussalam.
- "BA/6469/1983, SUK 240/52: Education Policy for Brunei" dalam *Fail Rasmi Kerajaan*. Bandar Seri Begawan: Arkib Negara Brunei Darussalam.
- Berita bertajuk "Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei, 16 dan 17 April 1962" dalam akhbar *Pelita Brunei*. Bandar Seri Begawan: 18 April 1962.
- Berita bertajuk "Sistem Pelajaran Kita Harus Segara Dirubah" dalam *Majalah Suara Guru*, Keluaran ke-3 [Februari 1962]. Brunei: Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei.
- Berita Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei* [akhbar]. Bandar Seri Begawan: 28 November 1972 dan 25 September 1973.
- Bevington, E.R. (1958). "Penyata Pembangunan Negeri Brunei, 1953-1958". *Laporan Tidak Diterbitkan*. Brunei: Jabatan Pelajaran Negara Brunei.
- Borneo Bulletin* [akhbar]. Bandar Seri Begawan: 15 Mac 1958.
- "CO 1030/300: E.R. Bevington, 'The Economy and Development of State of Brunei' on 30 Jun 1955" dalam *Fail Rasmi Kerajaan*. Bandar Seri Begawan: Arkib Negara Brunei Darussalam.
- Hadi Abdullah, Muhammad. (1992). "Semangat Kebangsaan Kesedaran Awal" dalam *Jurnal Darussalam*, Bil. 1.
- Haji Abdullah, Abdul Rahman. (1994). *Pengantar Ilmu Sejarah*. Kuala Lumpur dan Pulau Pinang: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Universiti Sains Malaysia.
- Haji Ahmad, Zaini. (1989). *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei (1939-1962)*. Kuala Lumpur: ZR Publications.
- Haji Jibah, Matassim. (1983). "Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei dalam Pentabiran Sistem Residen, 1906-1959" dalam *The Brunei Museum Journal*, Vol.5, No.3.
- Haji Jumat, Ahmad. (1989). "A Chronological Study of the Development of Education in Brunei Darussalam from 1906 to 1984 with Special Reference to Education Policies and Their Implementation". *Thesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. California, USA: The School of Education, California Coast University.
- Haji Md Sum, Hisham. (1993). "Educational Dependency: A Case Study on Brunei Darussalam". *Thesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. United Kingdom: University of Reading.
- Hussin, Sufean. (1993). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem, dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin, Sufean. (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- JPB [Jabatan Pelajaran Brunei]. (1966). "Laporan Tiga Tahun, 1964-1966". *Laporan Tidak Diterbitkan*. Brunei: Jabatan Pelajaran Brunei.
- JPB [Jabatan Pelajaran Brunei]. (1972). "Laporan Tahunan 1972". *Laporan Tidak Diterbitkan*. Brunei: Jabatan Pelajaran Brunei.
- JSK [Jabatan Setiausaha Kerajaan]. (1962). *Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei, 1972*. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei: Jabatan Setiausaha Kerajaan.
- JSK [Jabatan Setiausaha Kerajaan]. (1972). "Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei, 1972". *Laporan Tidak Diterbitkan*. Brunei: Jabatan Setiausaha Kerajaan.
- JPJPMN [Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Negara] Brunei Darussalam. (1994a). *Himpunan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sepanjang 1990*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.
- JPJPMN [Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Negara] Brunei Darussalam. (1994b). *Kumpulan Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sepanjang 1993*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam.
- KPK [Kementerian Pelajaran dan Kesihatan] Brunei Darussalam. (1985). *Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.
- Leake, D. (1990). *Brunei: The Modern Southeast Asian Islamic Sultanate*. Kuala Lumpur: Forum.
- Md Jadi, Haris. (1990). *Etnik, Politik, dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MoE [Ministry of Education]. (1958). "Brunei Education Departmental Triennial Report for 1955 to 1957". *Laporan Tidak Diterbitkan*. Brunei: The Brunei Press.
- MoE [Ministry of Education]. (1992). "Education in Brunei Darussalam". *Laporan Tidak Diterbitkan*. Brunei: Permanent Secretary's Office.
- Mohd Jamil Al-Sufri, Pehin Haji Awg. (1992). *Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah.
- Mohd Jamil Al-Sufri, Pehin Haji Awg. (2008a). *Melayu Islam Beraja: Hakikat dan Hasrat*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Mohd Jamil Al-Sufri, Pehin Haji Awg. (2008b). *Satu Pemikiran Mengenai Corak Pendidikan*

- untuk Brunei Darussalam Berasaskan Islam: Melalui Pengalaman dan Sejarah.* Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Osman, Sabihah. (1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, 1841-1941.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman, Sabihah, Muhammad Hadi Abdullah & Sabullah Haji Hakip. (1995). *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Padmore, H.J. (1954). *Proposed Development Plan for Education Department, 1954-1960.* Kuala Belait: The Brunei Press.
- Pelita Brunei* [akhbar]. Bandar Seri Begawan: 6 Disember 1961; 18 April 1962; dan 18 April 1984.
- “Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei: 16 dan 17 April 1962” dalam *Fail Rasmi Kerajaan.* Bandar Seri Begawan: Arkib Negara Brunei Darussalam.
- Ramanathan, K. (1985). *Politik dalam Pendidikan Bahasa, 1930 – 1971.* Petaling Jaya: Penerbita Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ranjit Singh, D.S. (1984). *Brunei: 1839 – 1983: The Problem of Political Survival.* Singapore: Oxford University Press.
- Saad, Ibrahim. (1986). *Pendidikan dan Politik di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- “Siaran Sementara No.22/1948, Ref.No.(6) in Ed/75/1948 dalam No.406/1948 Training of Teachers at Batu Lintang School” dalam *Fail Rasmi Kerajaan.* Bandar Seri Begawan: Arkib Negara Brunei Darussalam.
- SoB [State of Brunei]. (1914). “Annual Report 1914”. *Laporan Tidak Diterbitkan.* Bandar Seri Begawan: State of Brunei.
- SoB [State of Brunei]. (1928). “Annual Report 1928”. *Laporan Tidak Diterbitkan.* Brunei: State of Brunei.
- SoB [State of Brunei]. (1929). “Annual Report 1929”. *Laporan Tidak Diterbitkan.* Brunei: State of Brunei.
- SoB [State of Brunei]. (1953). “Annual Report 1953”. *Laporan Tidak Diterbitkan.* Brunei: State of Brunei.
- SoB [State of Brunei]. (1954). “Annual Report 1954”. *Laporan Tidak Diterbitkan.* Brunei: State of Brunei.
- SoB [State of Brunei]. (1984). “Annual Report 1983-1984”. *Laporan Tidak Diterbitkan.* Bandar Seri Begawan: State of Brunei.
- SPB [Suruhanjaya Pelajaran Brunei]. (1972). *Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei, 1972.* Bandar Seri Begawan: Suruhanjaya Pelajaran Brunei.
- Suara Bakti* [akhbar]. Bandar Seri Begawan: 3 November 1961 dan 24 November 1961.
- Yahya bin Haji Ibrahim, Pehin Ustaz Haji Awg. (2000). *Sejarah dan Peranan Institusi-institusi Melayu Islam Beraja.* Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah.